

**PENGGUNAAN “KIT RAJA BERDAULAT” MEMBANTU PELAJAR TAHUN LIMA
MEMBANDING BEZA DAN MENGANALISIS KEPENTINGAN ALAT KEBESARAN
DIRAJA**

Mohammad Arsyad Bin Sapian
arsyadsapian@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini adalah bertujuan untuk membantu murid tahun lima bagi membandingbeza dan menganalisis kepentingan Alat Kebesaran Diraja dengan penggunaan Kit Raja Berdaulat. Penyelidikan tindakan ini juga bertujuan untuk menambahbaik amalan pengajaran saya dalam subjek Sejarah. Terdapat empat orang peserta kajian yang terlibat kesemuanya murid tahun lima dari sebuah sekolah rendah di daerah Padawan. Kaedah yang saya gunakan bagi mendapatkan data dan maklumat dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada instrumen seperti temubual, analisis dokumen, pemerhatian dan lembaran kerja. Teknik analisis data yang digunakan adalah analisis kandungan dan analisis pola yang kemudiannya ditriangulasikan melalui triangulasi kaedah dan masa. Data yang dianalisis menunjukkan bahawa penggunaan Kit Raja Berdaulat sangat berkesan dalam meningkatkan penguasaan murid-murid bagi tajuk Yang Di-Pertuan Agong dalam subjek Sejarah. Kajian ini boleh dipertingkatkan lagi kualitinya dengan mengambil kira aspek-aspek mempunyai kekurangan seperti saiz, ketahanan dan mobilitinya serta ianya boleh digunakan bersesuaian mengikut peredaran masa.

Kata kunci : membandingbeza, menganalisis, Kit Raja Berdaulat, Alat Kebesaran Diraja, Yang Di-Pertuan Agong, amalan pengajaran

ABSTRACT


This research is aimed at helping the Year Five students to differentiate and analyze the importance of the Alat Kebesaran Diraja with the use of the Kit Raja Berdaulat. This action research also aims to improve my teaching practices in the History subject. There were four students who involved and all of them was Year Five students from a primary school in the Padawan District. The method that were used to collect data and information in this study is based on instruments such as interviews, document analysis, observations and worksheets. The data analysis techniques used are content analysis and pattern analysis which are then checked through method triangulation and time triangulation. The data analyzed indicate that the use of the Kit Raja Berdaulat is very effective in increasing the mastery of pupils for the topic of the Yang di-Pertuan Agong in the subject of History. This study can be further enhanced by taking into consideration aspects of shortage such as size, durability and mobility and can be used accordingly in time.

Keywords: Differentiate, analyzing, Kit Raja Berdaulat, Alat Kebesaran Diraja, Yang Di-Pertuan Agong

Pengenalan

Sejarah ialah mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid dalam KSSR mulai Tahun 4 di Tahap Dua. Tujuan mata pelajaran Sejarah ini diwujudkan di peringkat awal pembelajaran adalah supaya murid memperoleh dan menguasai pengetahuan serta kemahiran Sejarah. Menurut Ismail (2014), kurikulum Sejarah adalah bertujuan untuk menyediakan pengetahuan, kemahiran, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik dalam pelaksanaannya di dalam dan di luar bilik darjah. Sebagai seorang guru pelatih yang telah diberikan pendedahan yang mencukupi tentang kaedah pengajaran masa kini, saya seharusnya menggunakan segala ilmu yang dipelajari saya untuk meningkatkan kualiti pengajaran saya dan pembelajaran murid-murid. Saya telah melaksanakan penyelidikan tindakan saya semasa saya sedang menjalani praktikum fasa 2 di SK Sekolah Kebangsaan Kayu Belian (nama samaran). Pada praktikum fasa kedua ini saya mempunyai tempoh masa selama tiga bulan untuk mengendalikan penyelidikan tindakan saya.

Masalah yang paling ketara yang saya dapat kenalpasti ketika melaksanakan praktikum fasa 1 mahupun fasa 2 adalah kepayahan murid-murid Tahun 5 dalam membanding beza dan mengenalpasti kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja dalam tajuk Yang Di Pertuan Agong bagi subjek Sejarah. Data pemerhatian tersebut merupakan data tentang 4 orang murid yang telah saya pilih sebagai peserta kajian. Data ini saya kumpul semasa sesi pembelajaran dan pemudahcaraan sedang dijalankan. Rajah 2 merupakan catatan atau nota lapangan hasil daripada pemerhatian saya terhadap peserta kajian yang telah saya pilih yang bertarikh 4 Ogos 2017.



- Keempat-empat peserta kajian mampu untuk menguasai topik dan ada di antara mereka memberi fokus kepada sesi PdPc. Bobo dan Lala kerap bermain sendiri dan tidak menumpukan pada guru.
- Jiji nampak tidak berminat pada PdPc yang sedang berlangsung. Ia terlihat pasif tanpa mengambil bahagian dalam aktiviti berkumpulan.
- Tata menunjukkan minat dalam pembelajaran namun tidak dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan jawapan yang tepat.

Rajah 2 : Catatan pemerhatian atau nota lapangan hasil pemerhatian terhadap peserta-peserta kajian di SK Kayu Belian pada praktikum fasa 2

Saya telah mentadbir satu ujian diagnostik untuk menguji sejauh mana penguasaan mereka terhadap topik Alat Kebesaran Diraja khususnya dalam tajuk Yang Di Pertuan Agong. Berdasarkan kepada ujian diagnostik yang telah saya jalankan, saya dapat mengenalpasti bahawa murid-murid tidak dapat menguasai dan membandingbeza alat-alat kebesaran diraja. Kempat-empat peserta kajian iaitu Bobo, Lala, Jiji dan Tata masing-masing tidak mampu untuk menjawab dengan betul

kesemua soalan yang dikemukakan di dalam ujian diagnostik. Rajah 2 menunjukkan keputusan ujian diagnostik.

<table border="1" data-bbox="258 312 603 371"> <thead> <tr> <th>Tengkolok Diraja</th> <th>Muskat</th> <th>Keris Pendek Diraja</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Keris Panjang Diraja</td> <td>Pending Diraja</td> <td>Gandik Raja</td> </tr> <tr> <td>Keling Diraja</td> <td>Cogan Agama</td> <td>Cogan Alam</td> </tr> <tr> <td>Cokmar</td> <td>Tombak Berembu</td> <td>Payung Ubur-ubur Kuning</td> </tr> </tbody> </table>	Tengkolok Diraja	Muskat	Keris Pendek Diraja	Keris Panjang Diraja	Pending Diraja	Gandik Raja	Keling Diraja	Cogan Agama	Cogan Alam	Cokmar	Tombak Berembu	Payung Ubur-ubur Kuning	<table border="1" data-bbox="795 312 1140 371"> <thead> <tr> <th>Tengkolok Diraja</th> <th>Muskat</th> <th>Keris Pendek Diraja</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Keris Panjang Diraja</td> <td>Pending Diraja</td> <td>Gandik Raja</td> </tr> <tr> <td>Keling Diraja</td> <td>Cogan Agama</td> <td>Cogan Alam</td> </tr> <tr> <td>Cokmar</td> <td>Tombak Berembu</td> <td>Payung Ubur-ubur Kuning</td> </tr> </tbody> </table>	Tengkolok Diraja	Muskat	Keris Pendek Diraja	Keris Panjang Diraja	Pending Diraja	Gandik Raja	Keling Diraja	Cogan Agama	Cogan Alam	Cokmar	Tombak Berembu	Payung Ubur-ubur Kuning
Tengkolok Diraja	Muskat	Keris Pendek Diraja																							
Keris Panjang Diraja	Pending Diraja	Gandik Raja																							
Keling Diraja	Cogan Agama	Cogan Alam																							
Cokmar	Tombak Berembu	Payung Ubur-ubur Kuning																							
Tengkolok Diraja	Muskat	Keris Pendek Diraja																							
Keris Panjang Diraja	Pending Diraja	Gandik Raja																							
Keling Diraja	Cogan Agama	Cogan Alam																							
Cokmar	Tombak Berembu	Payung Ubur-ubur Kuning																							
<p>(Ujian Diagnostik Bobo, markah 1/4)</p> <table border="1" data-bbox="258 748 603 806"> <thead> <tr> <th>Tengkolok Diraja</th> <th>Muskat</th> <th>Keris Pendek Diraja</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Keris Panjang Diraja</td> <td>Pending Diraja</td> <td>Gandik Raja</td> </tr> <tr> <td>Keling Diraja</td> <td>Cogan Agama</td> <td>Cogan Alam</td> </tr> <tr> <td>Cokmar</td> <td>Tombak Berembu</td> <td>Payung Ubur-ubur Kuning</td> </tr> </tbody> </table>	Tengkolok Diraja	Muskat	Keris Pendek Diraja	Keris Panjang Diraja	Pending Diraja	Gandik Raja	Keling Diraja	Cogan Agama	Cogan Alam	Cokmar	Tombak Berembu	Payung Ubur-ubur Kuning	<p>(Ujian Diagnostik Lala, markah 0/4)</p> <table border="1" data-bbox="795 748 1140 806"> <thead> <tr> <th>Tengkolok Diraja</th> <th>Muskat</th> <th>Keris Pendek Diraja</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Keris Panjang Diraja</td> <td>Pending Diraja</td> <td>Gandik Raja</td> </tr> <tr> <td>Keling Diraja</td> <td>Cogan Agama</td> <td>Cogan Alam</td> </tr> <tr> <td>Cokmar</td> <td>Tombak Berembu</td> <td>Payung Ubur-ubur Kuning</td> </tr> </tbody> </table>	Tengkolok Diraja	Muskat	Keris Pendek Diraja	Keris Panjang Diraja	Pending Diraja	Gandik Raja	Keling Diraja	Cogan Agama	Cogan Alam	Cokmar	Tombak Berembu	Payung Ubur-ubur Kuning
Tengkolok Diraja	Muskat	Keris Pendek Diraja																							
Keris Panjang Diraja	Pending Diraja	Gandik Raja																							
Keling Diraja	Cogan Agama	Cogan Alam																							
Cokmar	Tombak Berembu	Payung Ubur-ubur Kuning																							
Tengkolok Diraja	Muskat	Keris Pendek Diraja																							
Keris Panjang Diraja	Pending Diraja	Gandik Raja																							
Keling Diraja	Cogan Agama	Cogan Alam																							
Cokmar	Tombak Berembu	Payung Ubur-ubur Kuning																							
<p>(Ujian Diagnostik Jiji, markah 0/4)</p>	<p>(Ujian Diagnostik Tata, markah 1/4)</p>																								

Rajah 2 : Keputusan Ujian Diagnostik kempat-empat peserta kajian

Oleh itu, saya telah memikirkan dan merancang satu jalan untuk memperbaiki amalan pengajaran saya dengan menggunakan Kit Raja Berdaulat sebagai Bahan Bantu Mengajar yang saya gunakan untuk mengajar tajuk Yang Di Pertuan Agong ini. Kit Raja Berdaulat ini adalah satu kit yang di dalamnya mengandungi gambar serta penerangan tentang alat-alat kebesaran diraja yang terdapat dalam bentuk susun suai gambar yang bertujuan untuk memberi lebih kefahaman yang lebih jelas kepada murid-murid tentang Alat-alat Kebesaran Diraja. Semasa melaksanakan praktikum fasa 2 di SK Kayu Belian, kelas Tahun 5 Api telah saya pilih sebagai kelas yang saya gunakan sebagai sasaran kajian saya. Daripada 29 orang murid, saya telah memilih 4 orang murid daripada kelas 5 Api tersebut sebagai peserta kajian. Peserta kajian yang saya pilih telah saya tapis melalui kaedah pemerhatian, ujian semester, ujian diagnostik serta melalui aktiviti PdPc di dalam kelas.

Fokus Kajian

Saya mendapati bahawa masalah untuk mengenal dan menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja yang terdapat dalam Tajuk 3 Tahun 5 ini

adalah berpunca daripada kekurangan elemen yang mampu menarik minat murid-murid di dalam kaedah pengajaran kooperatif. Saya telah menggunakan kaedah pengajaran berbentuk kooperatif untuk mengajar tajuk dan topik ini. Terdapat kemungkinan bahawa kaedah kooperatif yang digunakan di dalam pengajaran kurang memiliki elemen yang mampu menarik minat dan fokus murid-murid ke atas tajuk atau topik yang dipelajari. Masalah seperti ini memerlukan intervensi awal agar masalah yang serius tidak terjadi. Analisis menurut Azizi & Isha (2008), proses analisis memerlukan fikiran kritis, bukan mengulang pengetahuan yang dipelajari. Pemilihan kaedah dan teknik serta pendekatan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik mahupun luar bilik darjah memainkan peranan yang sangat penting kerana menurut Ismail (2014) di dalam bukunya Kaedah Pengajaran Sejarah, pendekatan pengajaran merupakan haluan atau aspek yang digunakan untuk mendekati atau memulakan proses pengajaran sesuatu isi pelajaran, sesuatu mata pelajaran atau beberapa mata pelajaran atau sesuatu kemahiran.

Fokus kajian saya adalah untuk menambahbaik amalan PdPc saya melalui penggunaan Kit Raja Berdaulat sebagai bahan bantu mengajar bagi topik Alat Kebesaran Diraja dalam tajuk Yang Di Pertuan Agong. Saya perlu memikirkan kaedah dan cara yang lebih berkesan untuk membantu keempat-empat peserta kajian ini khasnya dan murid-murid lain amnya agar mereka mampu menguasai topik Alat Kebesaran Diraja ini. Saya sedar bahawa kaedah lama yang saya gunakan untuk mengajar mereka berkenaan dengan tajuk ini tidak dapat menarik minat serta tidak mampu membantu mereka untuk memahami isi pelajaran. Oleh itu saya ingin membuat penambahbaikan terhadap sesi PdPc berkaitan dengan topik Alat Kebesaran Diraja dan seterusnya membantu murid-murid menguasai topik ini. Omardin (1998) menyatakan bahawa tiap-tiap guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya untuk melaksanakan tugasannya. Oleh itu, guru haruslah mempunyai idea yang kreatif agar penyampaian isi pelajaran dapat dipertingkatkan dari segi kualitinya. Sebagai langkah penyelesaiannya, saya telah memilih untuk memfokuskan kajian saya kepada penggunaan Kit Raja Berdaulat untuk membantu murid tahun 5 mengenal dan menganalisis kepentingan alat-alat kebesaran diraja.

Objektif dan Soalan Kajian

Objektif utama yang telah saya tetapkan dalam menjalankan kajian ini adalah untuk meningkatkan penguasaan murid di dalam kemahiran mengenal dan menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja di dalam tajuk Yang Di-Pertuan Agong dengan menggunakan kit Raja Berdaulat. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengajaran guru untuk mengajar murid mengenal dan menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja di dalam tajuk Yang Di-Pertuan Agong menggunakan kit Raja Berdaulat.

Kajian ini juga dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan iaitu adakah penggunaan kit Raja Berdaulat dapat membantu murid menguasai kemahiran membanding beza dan menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja dan sejauhmanakah penggunaan Kit Raja Berdaulat dapat meningkatkan amalan pengajaran saya dalam mengajar kemahiran membandingbeza serta menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja di dalam Tajuk Yang Di-Pertuan Agong dalam Tahun 5.

Peserta Kajian

Penyelidikan ini melibatkan empat orang murid yang mengalami masalah mengenal dan menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja dalam tajuk Yang

Di-Pertuan Agong yang merupakan salah satu tajuk dalam kurikulum Sejarah Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Kayu Belian (bukan nama sebenar). Pemilihan peserta kajian adalah selepas pelaksanaan ujian diagnostik yang dijalankan bagi mata pelajaran Sejarah, melalui pemerhatian di dalam kelas mahupun pemerhatian semasa guru lain mengajar. Keempat-empat peserta kajian ini ialah Bobo (bukan nama sebenar), Lala (bukan nama sebenar), Jiji (bukan nama sebenar), dan Tata (bukan nama sebenar). Keempat-empat mereka mengalami masalah untuk mengenal dan menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja dalam tajuk Yang Di-Pertuan Agong iaitu tajuk 3 kurikulum Sejarah Tahun 5. Oleh itu, keempat-empat pelajar ini telah dipilih sebagai peserta kajian bagi menguji keberkesanan Kit Raja Berdaulat.

Tindakan yang Dijalankan

Saya telah mempraktikkan penggunaan Kit Raja Berdaulat untuk membantu murid Tahun 5 mengenal dan menganalisis kepentingan Alat Kebesaran Diraja. Model Kurt Lewin telah digunakan sebagai panduan dalam melaksanakan kajian ini. Menerusi kit ini, saya merancang untuk mengajar murid agar mereka mampu mengenal Alat Kebesaran Diraja dan menganalisis kepentingannya dengan lebih efektif. Penggunaan Kit Raja Berdaulat ini berdasarkan kepada Model Kurt Lewin memerlukan saya sebagai pengkaji untuk merancang, bertindak, memerhati dan mereflek segala apa yang dilaksanakan.



Rajah 1 : Kitaran Model Lewin

Untuk itu, saya telah merefleksi sesi PdP yang lepas, merancang langkah-langkah pengajaran menggunakan kit Raja Berdaulat untuk membantu murid mengenal dan menganalisis kepentingan Alat Kebesaran Diraja serta menyediakan bahan-bahan yang diperlukan. Kemudian, pengajaran menggunakan kit Raja Berdaulat sebagai bahan bantu mengajar telah dilaksanakan. Seterusnya saya melakukan pemerhatian terhadap keberkesanan penggunaan kit Raja Berdaulat dalam pembelajaran di dalam bilik darjah dan akhir sekali saya telah melakukan sesi refleksi yang merangkumi peringkat sebelum, semasa dan selepas kesemua proses tersebut dijalankan.


Saya telah merancang proses tindakan tentang bagaimana saya hendak mengaplikasikan penggunaan kit Raja Berdaulat ini di dalam sesi PdPc yang dijalankan di dalam bilik darjah bagi topik Alat Kebesaran Diraja dalam tajuk 3 kurikulum Sejarah iaitu Yang Di-Pertuan Agong. Langkah yang akan dilaksanakan selepas membuat set induksi adalah membahagikan murid-murid kepada enam kumpulan. Setiap wakil kumpulan kemudiannya diminta untuk ke hadapan dan memilih salah satu daripada enam bekas nipis yang mengandungi gambar Alat-alat

Kebesaran Diraja yang terdapat dalam bentuk kepingan-kepingan Susunsuai Gambar (Picture Puzzle) seperti Rajah 2.



Rajah 2 : Contoh petunjuk warna yang terdapat di bahagian bawah atau sisi Susunsuai Gambar (Picture Puzzle)

Setelah selesai melengkapkan Susunsuai Gambar tersebut, murid-murid akan diarahkan untuk menghantar seorang wakil ke hadapan (meja guru) dan memilih salah satu kepingan yang mengandungi nama Alat Kebesaran Diraja yang telah kumpulan mereka lengkapkan melalui aktiviti melengkapkan Susunsuai Gambar tadi daripada bekas nipis yang mengandungi kepingan senarai nama-nama Alat Kebesaran Diraja. Bagi memudahkan tugas wakil setiap kumpulan untuk memilih nama yang sepadan dengan Susunsuai Gambar yang telah kumpulan mereka lengkapkan, satu petunjuk (klu) telah dilekatkan di dalam Susunsuai Gambar yang telah kumpulan mereka pilih. Sebagai contohnya, kumpulan 1 telah memilih dan melengkapkan Susunsuai Gambar bagi Cokmar (salah satu Alat Kebesaran Diraja). Maka, petunjuk yang dapat dilihat di sebelah sudut di dalam Susunsuai Gambar tersebut adalah klu atau petunjuk kecil yang tertulis "Merah" contohnya. Jadi, wakil kumpulan tersebut juga akan memilih kepingan kertas yang berwarna merah bagi keterangan mengenai alat tersebut yang mana warna bagi kepingan kertas nama dan juga keterangan Alat Kebesaran Diraja tersebut adalah kedua-duanya berwarna merah.



Rajah 3 : Contoh kepingan nama Alat Kebesaran Diraja dan keterangan tentang Alat Kebesaran Diraja yang sama warna dengan petunjuk di bahagian bawah atau sisi Susunsuai Gambar

Selesai sesi pemilihan kepingan kertas yang mengandungi nama dan keterangan alatan yang sepadan dengan apa yang kumpulan mereka dapat, setiap ahli kumpulan akan berupaya untuk mengenal dan membandingbeza bentuk, rupa, nama dan keterangan bagi Alat Kebesaran Diraja tersebut. Sebagai contohnya, kumpulan 1 yang mendapat Susunsuai Gambar bagi alatan Cokmar akan mendapat maklumat mengenai bentuk dan rupa alat tersebut serta nama dan keterangannya yang ditulis di dalam kepingan kertas berwarna merah berdasarkan kepada petunjuk yang terdapat pada bahagian sudut di dalam Susunsuai Gambar mereka dan begitu juga dengan kumpulan yang lain.

Selesai sesi mengenal dan membandingbeza alatan, nama dan keterangannya setiap kumpulan akan diarahkan untuk menghantar seorang lagi wakil untuk ke hadapan dan mengambil kertas yang mengandungi Jadual Kepentingan Alat

Kebesaran Diraja di dalam bekas nipis yang dikhaskan untuk menyimpan item ke-4 tersebut. Di dalam bekas nipis itu akan ada 6 set kertas yang mengandungi jadual berisi nama alat serta ruang kosong yang disediakan oleh guru untuk diisi oleh kumpulan masing-masing dengan kepentingan Alat Kebesaran Diraja.

Saya menggunakan empat kaedah untuk mengumpul data kajian saya iaitu kaedah temubual, melalui ujian diagnostik, pemerhatian di dalam kelas dan juga melalui gambar ataupun foto yang diambil semasa menjalankan sesi PdPc. Bagi menganalisis data pula, saya telah menggunakan 2 cara untuk menganalisis data iaitu analisis kandungan dan analisis pola. Analisis kandungan menurut Chuah (2016) adalah di mana seseorang penyelidik meneliti data yang diperolehi lalu mengariskan atau menandakan perkara yang dianggap penting atau berhubung dengan objektif atau soalan kajian. Analisis pola pula merujuk kepada analisis data yang memiliki persamaan atau perbezaan melalui tema kategori-kategori yang dibentukkan hasil daripada yang dikumpul. Dalam proses semakan data sesudah data diperolehi, saya telah menggunakan 2 jenis triangulasi iaitu triangulasi kaedah dan juga triangulasi masa.

Dapatan Kajian

Adakah penggunaan kit Raja Berdaulat dapat membantu murid menguasai kemahiran membanding beza dan menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja?

Berikut merupakan analisis dokumen iaitu gambar-gambar yang diambil semasa aktiviti dijalankan yang menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian mampu untuk membandingbeza Alat Kebesaran Diraja dengan menggunakan Kit Raja Berdaulat. Kesemua peserta kajian berjaya membandingbeza alatan-alatan tersebut dengan tepat dan betul apabila menggunakan Kit Raja Berdaulat sebagai bahan bantu mengajar di dalam bilik darjah berbeza dengan penggunaan kaedah koperatif yang tidak menggunakan Kit Raja Berdaulat. Peningkatan prestasi keempat-empat orang peserta kajian ini adalah disebabkan oleh penggunaan Kit Raja Berdaulat yang membantu mereka menguasai kemahiran membandingbeza dan mengenapasti. Hasil dapatan ini juga disokong lagi oleh temu bual yang dijalankan bersama seorang peserta kajian iaitu Tata yang memberikan respon yang positif berkenaan dengan penggunaan kit ini. Temu bual ini dijalankan pada 5 Mac 2018. Berikut merupakan transkrip temu bual saya bersama dengan Tata.

- Saya : *Tata, adakah kamu suka dengan kit yang kita gunakan sebentar tadi?*
Tata : *Ya. Suka cikgu. Seronok guna kit itu untuk belajar.*
Saya : *Kenapa kamu suka?*
Tata : *Sebab ada gambar dan kami sendiri yang lengkapkan gambar tu jadi kami akan ingat apa nama alat tersebut.*
Saya : *Adakah kamu rasa bahawa topik ini susah untuk dipelajari?*
Tata : *Mula-mula dulu agak susah kerana takda guna kit macam ini. Tapi kalau guna kit seperti ini lagi senang kerana lebih ingat dan lebih seronok.*

Berdasarkan kepada transkrip temu bual tersebut maka dapat dilihat bahawa peserta kajian semakin faham dengan topik Alat Kebesaran Diraja ini. Di samping menemu bual peserta kajian, saya juga telah menjalankan pemerhatian ke atas peserta-peserta kajian bagi menganalisis tahap penguasaan mereka terhadap topik ini. Berikut merupakan tema-tema yang diperolehi daripada catatan nota lapangan

berkenaan dengan pemerhatian saya terhadap peserta-peserta kajian semasa aktiviti intervensi dijalankan seperti dalam Rajah 14.

- Keempat-empat peserta kajian bergerak dengan pantas dalam menyiapkan tugas yang diberi.
- Bobo dan Lala memberi lebih tumpuan pada aktiviti kali ini berbanding dengan berbual sesama sendiri seperti kebiasaannya walaupun mereka diletakkan di dalam kumpulan yang sama.
- Jiji yang biasanya kurang berminat dengan sesi pembelajaran nampak lebih bersemangat dalam menyiapkan Susun Suai Gambar / Puzzle yang diberi.
- Tata dengan mudah dapat menyiapkan Puzzle yang diberi dan melengkapkan maklumatnya dengan mudah berdasarkan petunjuk yang diberi.
- Setiap peserta mampu menyelesaikan satu Susun Suai Gambar dalam masa yang singkat.
- Nama dan keterangan berkenaan dengan alatan tersebut kesemuanya dilengkapkan dengan tepat berpandukan kepada klu yang diberi.
- Setiap orang nampak seronok dan gembira melaksanakan aktiviti yang diberi.
- Keempat-empat peserta kajian tidak sabar-sabar untuk melengkapkan setiap Susun Suai Gambar tersebut dengan nama dan keterangan yang diberi.
- Aktiviti berjalan dengan lancar malah masa yang diambil untuk murid-murid menyelesaikan puzzle tersebut lebih singkat dari yang dirancang termasuk juga kumpulan-kumpulan lain.

Rajah 14. Tema yang diperolehi daripada nota lapangan terhadap peserta kajian

Jika dilihat daripada nota lapangan hasil pemerhatian saya terhadap keempat-empat peserta kajian maka dapat disimpulkan bahawa keempat-empat peserta kajian yang telah saya pilih sememangnya berjaya menguasai kemahiran membandingbeza dan mengenalpasti kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja dengan bantuan Kit Raja Berdaulat sebagai bahan bantu mengajar di dalam sesi pembelajaran. Penggunaan kit ini membantu murid-murid untuk lebih mudah untuk banding beza satu alat dengan alat yang lain dibantu oleh unsur visual dan warna serta dimasukkan dengan unsur-unsur bermain iaitu permainan Puzzle.

Untuk menguji sejauhmana penggunaan Kit Raja Berdaulat ini mampu untuk meningkatkan amalan pengajaran saya, saya telah menjalankan satu temubual dengan keempat-empat peserta kajian yang telah saya pilih. Berikut merupakan transkrip temubual saya bersama dengan salah seorang peserta kajian iaitu Jiji. Berikut merupakan transkrip temubual saya bersama dengan salah seorang peserta kajian iaitu Jiji pada 05 Mac 2018.









- Saya : *Adakah kamu rasa seronok belajar menggunakan kit ini?*
Jiji : **Ya. Sangat seronok dan gembira bila guna kit ini.**
Saya : *Kenapa kamu mengatakan ianya sangat seronok?*
Jiji : **Sebab ada gambar yang dapat kita tengok dan senang untuk buat puzzle itu sebab mudah dan ada petunjuk.**
Saya : *Adakah kamu rasa topik ini masih susah?*
Jiji : **Tak susah sangat saya rasa sebab saya dah faham dan ingat macam mana rupa bentuk alat-alat tersebut setelah gunakan kit ini.**

- Saya : *Kalau cikgu buat lagi kit macam ini kamu setuju?*
Jiji : **ya. Saya setuju cikgu. Buat untuk tajuk lain juga dan buat yang lebih susah supaya lebih seronok nak buatnya.**

Berdasarkan kepada transkrip temubual di atas, dapat dilihat bahawa perasaan-perasaan positif seperti seronok, gembira, senang dan minat ditunjukkan dengan jelas oleh peserta kajian yang ditemubual. Ianya membuktikan bahawa guru berjaya mengaplikasikan penggunaan Kit Raja Berdaulat ini kepada murid dengan baik dan murid-murid juga nampak semakin berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan. Ini bermakna bahawa minat mereka untuk melibatkan diri di dalam aktiviti yang dijalankan membuktikan bahawa penggunaan kit ini mampu meningkatkan amalan pengajaran saya kepada yang lebih baik dan berkesan.

Ketika menjalankan aktiviti dengan menggunakan Kit Raja Berdaulat, keempat-empat peserta kajian mampu untuk membandingbeza alat-alat tersebut kerana terdapatnya unsur visual warna serta menyenaraikan kepentingannya serba sedikit dengan bantuan kit tersebut. Kesemua peserta kajian berjaya membandingbeza alatan-alatan tersebut dengan tepat dan betul apabila menggunakan Kit Raja Berdaulat sebagai bahan bantu mengajar di dalam bilik darjah berbeza dengan penggunaan kaedah koperatif yang tidak menggunakan Kit Raja Berdaulat. Penggunaan Kit Raja Berdaulat di dalam sesi PdPc telah berjaya membantu peserta kajian untuk memahami dan menguasai kemahiran membandingbeza dan menganalisis kepentingan Alat Kebesaran Diraja kerana terdapat elemen bermain dan elemen warna yang diaplikasikan di dalam penggunaan kit tersebut. Hal ini kerana, menurut Hajijah (2010) kaedah mesra warna dalam P&P serta ditambah dengan aktiviti bermain dapat menarik minat murid untuk terus belajar. Stones (1992) pula mengatakan bahawa salah satu cara untuk membentuk pengajaran aktif adalah dengan cara melibatkan murid untuk penyelesaian masalah seperti dalam Rajah 4 di bawah.

Penggunaan Kit Raja Berdaulat telah berjaya membantu peserta kajian dalam membanding beza dan menganalisis kepentingan alat-alat kebesaran Di raja melalui dapatan-dapatan data yang telah dianalisis.

Peserta Kajian	Sebelum Inovasi Dilaksanakan	Selepas Inovasi Dilaksanakan
Bobo	 <p>"Untuk peliharaan diraja"</p> <p>a hujan"</p>	 <p>"Dijadikan sebagai AKD"</p>
Lala	 <p>"Sen ta"</p>	 <p>"Alat perang dahulu kala"</p>
Jiji	 <p>"Untuk lindung raja"</p>	 <p>"Menjadi AKD"</p>
Tata	 <p>"Untuk digunakan semasa a hujan"</p>	 <p>"Lambang kebersaran Raja-raja Melayu"</p>

Rajah 4 : Perbandingan lembaran Ujian Diagnostik keempat-empat peserta kajian pada sebelum dan selepas inovasi dilaksanakan

Penggunaan Kit Raja Berdaulat telah berjaya membantu peserta kajian dalam membanding beza dan menganalisis kepentingan alat-alat kebesaran Di raja melalui dapatan-dapatan data yang telah dianalisis.

Sejauh manakah penggunaan kit Raja Berdaulat dapat meningkatkan amalan pengajaran saya dalam memahami dan mengajar kemahiran membandingbeza serta menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja di dalam Tajuk Yang Di-Pertuan Agong dalam Tahun 5?

Untuk menjawab persoalan kajian yang kedua, saya juga telah menjalankan temubual bersama dengan guru pembimbing saya di sekolah pada 06 Mac 2018. Transkrip temubual saya bersama dengan guru pembimbing juga menyokong hasil dapatan kajian ini di mana guru pembimbing telah memberikan pujian dan ucapan tahniah kerana penggunaan kit tersebut mampu menarik minat murid untuk mengikuti sesi pembelajaran. Berikut adalah transkrip temu bual dengan guru pembimbing berkenaan inovasi yang dijalankan.

Saya : Cikgu, apakah pandangan cikgu tentang penggunaan Kit Raja Berdaulat yang saya reka itu di dalam sesi pengajaran kelas 5 Api?

Cikgu Nila : Oh, saya rasa itu bagus untuk murid-murid dalam kelas tersebut sebab mereka semua selalunya kurang fokus dengan apa yang kita ajar kalau kita tidak guna bahan yang menarik. Tahniah dan syabas kepada kamu sebab berjaya buat mereka fokus dan melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan.

Saya : Adakah cikgu rasa kit yang saya gunakan ini berkesan dalam membantu mereka memahami topik Alat Kebesaran Diraja?

Cikgu Nila : Bagi saya buka sahaja murid-murid boleh faham tentang topik ini malah mereka mungkin akan paling ingat tentang topik ini berbanding topik yang lain kerana cara ini tidak pernah digunakan oleh guru-guru sebelum ini untuk mengajar mereka. Teruskan usaha kamu sebab bagus cara yang kamu guna ni.

Beberapa tema seperti **bagus, tahniah dan syabas, ingat, dan faham** menjadi asas dapatan temu bual bersama guru pembimbing. Berdasarkan kepada transkrip temu bual ini, jelas menunjukkan bahawa penggunaan Kit Raja Berdaulat ini telah membantu saya dalam meningkatkan amalan pengajaran saya dalam memahami dan mengajar kemahiran membandingbeza serta menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja di dalam Tajuk Yang Di-Pertuan Agong dalam Tahun 5. Murid-murid berasa seronok dan gembira serta berminat untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti kerana mereka faham apa yang diajar. Selain itu, mereka juga boleh nampak tentang gambaran jawapan bagi setiap persoalan yang timbul dan ini menyebabkan mereka semakin yakin dan teruja untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan.

Secara keseluruhannya, penggunaan Kit Raja Berdaulat ini di dalam pengajaran topik Alat Kebesaran diraja dalam tajuk Yang Di-Pertuan Agong sememangnya membantu murid menguasai kemahiran membandingbeza dan menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja dan membantu meningkatkan amalan pengajaran guru dalam memahami dan mengajar kemahiran membanding beza serta menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja di dalam Tajuk Yang Di-Pertuan Agong dalam Tahun 5. Ianya dapat dibuktikan melalui gambar-gambar yang diambil semasa sesi intervensi dijalankan, temu bual bersama peserta kajian dan guru pembimbing serta melalui nota lapangan pemerhatian yang dijalankan semasa sesi intervensi. Ini juga dapat dibuktikan melalui peningkatan markah murid-murid terutamanya peserta-peserta kajian di dalam peperiksaan yang dijalankan serta

melalui lembaran-lembaran ujian yang dilaksanakan setelah penggunaan kit ini dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, penggunaan Kit Raja Berdaulat ini di dalam pengajaran topik Alat Kebesaran diraja dalam tajuk Yang Di-Pertuan Agong sememangnya membantu murid menguasai kemahiran membandingbeza dan menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja dan membantu meningkatkan amalan pengajaran guru dalam memahami dan mengajar kemahiran membandingbeza serta menganalisis kepentingan Alat-alat Kebesaran Diraja di dalam Tajuk Yang Di-Pertuan Agong dalam Tahun 5. Ianya dapat dibuktikan melalui gambar-gambar yang diambil semasa sesi intervensi dijalankan, temubual bersama peserta kajian dan guru pembimbing serta melalui nota lapangan pemerhatian yang dijalankan semasa sesi intervensi. Ini juga dapat dibuktikan melalui peningkatan markah murid-murid terutamanya peserta-peserta kajian di dalam peperiksaan yang dijalankan serta melalui lembaran-lembaran ujian yang dilaksanakan setelah penggunaan kit ini dilaksanakan. Kesimpulannya, melalui daptan kajian ini, jelaslah bahawa intervensi yang dijalankan ke atas peserta kajian yang telah saya pilih berkesan dalam membantu meningkatkan kefahaman murid serta memperbaiki dan meningkatkan amalan pengajaran saya selaku seorang guru. Saya telah berjaya menjawab kedua-dua persoalan kajian saya melalui hasil daptan sepanjang kajian dijalankan.

Refleksi

Dalam melaksanakan kajian ini, saya telah mengenalpasti beberapa kekuatan penggunaan Kit Raja Berdaulat ini terhadap peserta kajian yang telah dipilih dan juga terhadap guru yang mengajar. Kekuatan yang dapat saya takrifkan adalah keberkesanan penggunaan Kit Raja Berdaulat ini dalam meningkatkan kefahaman murid serta menarik minat murid-murid untuk mengikut sesi pembelajaran serta dapat meningkatkan kemahiran dan memperbaiki kelemahan guru dalam mengajar sesuatu topik. Melalui penggunaan kit ini di dalam sesi PdPc, minat dan fokus murid-murid beralih sepenuhnya ke arah pengajaran guru seterusnya mampu untuk meningkatkan keyakinan diri murid-murid. Hal ini kerana, Kit Raja Berdaulat ini menggabungkan unsur bermain iaitu melengkapkan puzzle dengan unsur visual warna iaitu gambar berwarna dan petunjuk berwarna. Selain itu, dalam melaksanakan kajian tindakan ini, saya telah mendapat peluang untuk menangani kelemahan diri saya sebagai seorang pendidik walaupun punca kepada kelemahan tersebut adalah bukannya datang daripada guru semata-mata namun ini telah memberi satu makna bahawa walau apapun punca masalah yang timbul sebagai seorang pendidik seharusnya masalah tersebut ditangani dengan baik agar ilmu yang ingin disampaikan kepada murid-murid tidak tersekat di tengah jalan.

Kesimpulannya, kajian tindakan yang saya laksanakan ini merupakan satu usaha ke arah menambahbaik amalan pengajaran saya sebagai seorang guru seterusnya membantu dalam meningkatkan prestasi murid-murid. Kajian ini juga mampu untuk menarik minat dan fokus murid-murid serta mampu untuk menambah keyakinan diri dalam diri murid-murid untuk menghadapi sesi pembelajaran setiap hari. Diharapkan bahawa kaedah-kaedah pengajaran seperti ini mula diaplikasi di dalam sistem pendidikan pada zaman kini kerana kurangnya kreativiti dan inovasi guru-guru selaras dengan peredaran zaman yang menyaksikan bukan lagi guru yang menjadi penentu utama hala tuju pembelajaran tetapi murid-murid yang lebih bertindak sebagai penentu hala tuju pembelajaran mereka sendiri dengan guru menjadi pemudahcara mereka.

Cadangan Tindakan Susulan

Kajian tindakan yang telah saya jalankan ini boleh dirumuskan sebagai satu kejayaan yang optimum. Namun, seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, ianya tidak menghalang daripada berlakunya kesilapan mahupun kekurangan waima kekurangan tersebut merupakan kekurangan yang kecil. Antara kelemahan yang saya dapat kenalpasti dalam Kit Raja Berdaulat yang saya hasilkan ini adalah kurangnya fleksibiliti dan mobiliti bagi kit tersebut. Selain itu, aspek pengurusan masa juga harus saya titikberatkan dan cuba perbaiki di masa akan datang. Apa yang dimaksudkan di sini adalah seharusnya sebagai seorang penyelidik, sesuatu kajian haruslah disiapkan dalam masa yang ditetapkan ataupun lebih awal dari yang dijangkakan. Aspek lain yang harus dititikberatkan dan diambil peduli lebih kerap daripada sebelumnya adalah berkenaan dengan strategi pelaksanaan dan bagaimana hendak mengendalikan penggunaan kit ini agar pelaksanaan sesi PdPc dengan menggunakan kit ini mampu berjalan dengan lancar.

Rujukan

- Said, I. B. (2014). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Ahmad, A., & Awang, M. I. (2008). *Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ashaari, O. H. (1998). *Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Guru Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Hwa, C. K. (2016). *Penulisan Laporan. Penyelidikan Tindakan. Panduan Pendidik*. Kuching, Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Hajijah, H. (2008). *Kaedah Mesra Warna (Di Kalangan Murid Tingkatan Lima)*. Kajian dibentangkan pada Hari Profesionalisme SMK Majakir Papar.
- Stones, E. (1992). *Quality teaching: A sample of cases*. London: Routledge.